

TAHAP PENERIMAAN DAN PENGAPLIKASIAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PESERTA TERHADAP PROGRAM KEPENGGUNAAN KPDNKK

Othman Che Jusoh¹
Mohamad Fazli Sabri²
Ismi Arif Ismail³
Turiman Suandi⁴
Ahmad Hariza Hashim⁵
Soaib Asimiran⁶

^{1,3,4,6}Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

^{2,5}Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah ditubuhkan pada 27 Oktober tahun 1990. Penubuhan KPDNKK bertujuan untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang beretika sekali gus dapat melindungi kepentingan pengguna itu sendiri (KPDNKK, 2015). Pada tahun 2009, peranan dan fungsi kementerian ini telah diperluaskan lagi dengan merangkumi sektor francais dan koperasi yang ada di negara ini.

Bagi melancarkan pelaksanaan pendidikan kepenggunaan secara menyeluruh kepada pengguna, pihak kementerian telah mewujudkan Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK) dan Majlis Gerakan Pengguna (MGP). KPDNKK terdiri daripada 17 bahagian utama dan salah satu daripada bahagian tersebut ialah Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK) (KPDNKK, 2015). BGK merupakan satu bahagian teras di kementerian yang bertanggungjawab untuk menyalurkan maklumat dan melaksanakan aktiviti kesedaran kepenggunaan kepada setiap lapisan masyarakat. Objektif penubuhan BGK adalah untuk meningkatkan kesedaran dan perlindungan pengguna melalui latihan dan pendidikan kepenggunaan dan penyediaan sumber maklumat yang berkaitan. Selain itu, objektif BGK ialah membangunkan gerakan kepenggunaan yang lebih berkesan dan menguruskan aduan pengguna secara efisien (Bahagian Gerakan Kepenggunaan, 2015). Majlis Gerakan Pengguna Kebangsaan (MGPK) merupakan wakil persatuan yang telah dilantik oleh menteri KPDNKK. Objektif penubuhan MGPK adalah untuk membincangkan isu-isu kepenggunaan, menyelaraskan pelaksanaan program dan aktiviti

kepenggunaan pada peringkat negeri dan daerah. Selain itu, MGPK berperanan sebagai badan perantaraan (*liason*) antara pihak kerajaan dengan kerajaan negeri berkenaan bidang kepenggunaan (Gerakan Kepenggunaan, 2015).

Oleh itu, pelaksanaan program kepenggunaan adalah bertujuan untuk memberikan pendidikan dan kesedaran pengguna, perlindungan pengguna dan membangunkan gerakan kepenggunaan. Program kepenggunaan yang dijalankan ini merangkumi pelbagai peringkat umur dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Program kepenggunaan dijalankan bertujuan untuk membantu KPDNKK dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepenggunaan terhadap pengguna (KPDNKK, 2015). Oleh yang demikian, penilaian sesuatu program kepenggunaan adalah amat penting kerana ia merupakan satu proses untuk mengukur tahap pencapaian sesuatu program kepenggunaan, sama ada telah berjaya atau gagal dari segi pengetahuan, sikap dan kemahiran serta keuntungan pelaburan sesuatu organisasi terhadap sesuatu program kepenggunaan yang dilaksanakan (Alvarez, Salas, & Garofano, 2004). Selain itu juga, penilaian sesuatu program kepenggunaan juga bertujuan untuk penambahbaikan program pendidikan kepenggunaan pada masa akan datang. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan tahap penerimaan pengetahuan dan kemahiran serta pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran peserta yang mengikuti program kepenggunaan anjuran pihak KPDNKK.

Kajian Literatur

Pengguna merangkumi semua individu, iaitu merupakan kumpulan ekonomi terbesar yang terasa akan kesan dan memberi kesan dalam pasaran (Kennedy, 1960). Dewasa ini, walaupun media massa sering memaparkan maklumat berkenaan kepenggunaan, namun pengguna masih kurang pendedahan dan tidak faham akan hak pengguna. Hal ini kerana pengguna sering beranggapan bahawa hak pengguna ini tidak begitu penting, justeru menyebabkan pengetahuan hak-hak pengguna tidak difahami dalam kalangan masyarakat. Selain itu, masyarakat sendiri tidak mengetahui siapa yang tergolong dalam kelompok pengguna.

Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) mendefinisikan pengguna sebagai seorang yang memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan daripada jenis yang pada lazimnya diperoleh bagi maksud, kegunaan atau kepenggunaan diri sendiri, isi rumah dan tidak memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan terutamanya bagi maksud membekal semula secara perdagangan menggunakannya dalam suatu proses pengilangan atau dalam hal barang, membaiki atau mengolah secara perdagangan, barang lain atau lekapan pada tanah. Secara ringkasnya,

pengguna merujuk kepada seseorang yang menggunakan sesuatu barangan atau perkhidmatan yang dibeli sendiri atau tidak untuk kegunaan diri sendiri atau isi rumah. Sekiranya seseorang membeli dengan tujuan untuk menjual semula dan mendapatkan keuntungan ia tidak dikira sebagai pengguna.

Vermeulen (2002) menyatakan konsep penerimaan latihan (program) didefinisikan sebagai pergerakan satu hala, iaitu daripada pembelajaran kepada pembelajaran dan pengalaman. Pengetahuan dan kemahiran merujuk kepada input yang diperoleh setelah menjalani program kepenggunaan yang dianjurkan oleh KPDNKK. Penerimaan pengetahuan dan kemahiran yang baik secara umumnya menjadikan peserta dapat mengaplikasikan segala pengetahuan kemahiran yang diperoleh daripada program di tempat kerja dan dapat diamalkan untuk satu tempoh yang lama. Oleh yang demikian, penerimaan latihan (program) yang positif menunjukkan tahap pelatih mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperoleh daripada program di tempat kerja sebenar adalah tinggi (Elangonvan & Karakowsky,1999).

Program yang berkesan bukan sahaja menampakkan kesan luaran kepada individu tersebut seperti bertambah rajin dan sebagainya tetapi juga menambahkan pengetahuan serta kemahiran. Namun, jika sebaliknya yang berlaku, individu terbabit tidak menunjukkan kesan, malahan memberikan kesan yang tidak baik kepada organisasi, maka penyertaan individu tersebut dalam program kepenggunaan tidak memberi kesan positif kepada dirinya menurut Elliot *et al.*,(2009). Objektif asas KPDNKK mengadakan program kepenggunaan program adalah untuk menyebarkan pendidikan kepenggunaan dan dapat membantu memastikan keupayaan pengguna dalam menghadapi sebarang penindasan. Secara umumnya, penilaian program adalah satu proses mengubah tingkah laku kerja seseorang sama ada dalam bentuk perubahan sikap, pengetahuan dan juga kemahiran untuk menjadikan seseorang itu berasa lebih yakin, intelektual, efektif dan dapat mengamalkan apa-apa yang dipelajari untuk kepentingan diri dan organisasi (Apurata, Ahmad, & Ahmad,1998).

Menurut Goldstein dan Ford (2002), penilaian program merupakan satu proses sistematik untuk mengumpul data dan maklumat bagi membentuk keberkesanan program. Penilaian program juga sering memberi tumpuan hanya kepada kuantiti program dan bukan kepada kualiti program (Huang, 2001). Oleh itu, program kepenggunaan tidak dianggap berkesan sekiranya program tersebut tidak mendatangkan hasil peningkatan produktiviti kepada individu yang menyertai program dan organisasi. Sehubungan itu, bagi memastikan keberkesanan program tersebut, penilaian program perlu dilakukan (Bramley & Kitson, 2002). Selain itu, Salas *et al.* (2005) juga turut menyokong bahawa penilaian program dapat membantu untuk menentukan

sama ada kesan sesuatu program dapat diaplikasikan ke dalam amalan secara berkesan atau tidak berkesan.

Metodologi

Data kajian ini melibatkan seramai 4,716 responden, iaitu merangkumi 14 buah negeri yang terdapat di Malaysia. Peserta yang terlibat dalam kajian ini merupakan para peserta daripada lima buah program yang dianjurkan oleh KPDNKK iaitu Kelab Pengguna Sekolah, Gerakan Pengguna Siswa, Program Luar Bandar, Bulan Pengguna Kebangsaan dan Gerakan Pengguna Kebangsaan. Program-program yang dianjurkan ini diadakan di sekolah-sekolah, Institut Pengajian Tinggi, kampung-kampung yang terpilih dan program kepenggunaan semasa Bulan Pengguna Kebangsaan. Pengumpulan data kajian adalah dengan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi empat bahagian. Bahagian A berkisar tentang maklumat demografi peserta, Bahagian B berkenaan sumber-sumber kepenggunaan yang diukur menggunakan skala 1 (sumber paling sedikit/tiada) hingga skala 10 (sumber paling banyak). Seterusnya, Bahagian C berkenaan penerimaan pengetahuan dan kemahiran, dan Bahagian D berkenaan pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran. Dalam Bahagian C dan D, pengukuran dibuat menggunakan skala 1 = sangat tidak setuju, sehingga skala 5 = sangat setuju. Soalan yang digunakan dalam borang soal selidik ini merupakan adaptasi daripada instrumen yang dibentuk oleh Haslinda dan Muhyidin (2009) berdasarkan kajian mereka, iaitu kajian keberkesanan program dalam kalangan kakitangan awam di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa soalan yang telah diubah suai bagi memastikan ia selari dengan objektif kajian dan bersesuaian dengan golongan sasaran responden. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package of The Social Science For Windows* (SPSS). Analisis yang digunakan ialah analisis deskriptif yang bertujuan untuk menerangkan latar belakang responden, tahap penerimaan pengetahuan, pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran peserta terhadap program kepenggunaan anjuran KPDNKK.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Latar belakang responden

Daripada 4,716 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 26.7 peratus merupakan lelaki dan seramai 73.3 peratus merupakan perempuan. Dari segi kategori umur pula, sebanyak 51.9 peratus responden terdiri daripada kalangan berumur 15 tahun hingga berumur 24 tahun dan sebanyak 42.4 peratus berumur dalam lingkungan 25 tahun hingga 59 tahun. Selebihnya, responden yang berumur dalam lingkungan 14 tahun ke bawah

(4.4%) dan golongan yang berumur 60 tahun ke atas (1.3%). Majoriti peserta yang menyertai program kepenggunaan ini berstatus bujang iaitu sebanyak 80.0 peratus manakala sebanyak 20.0 peratus responden telah berkahwin. Dari segi pecahan etnik pula, sebanyak 92.8 peratus peserta ialah etnik Melayu, diikuti etnik Cina sebanyak 4.1 peratus dan 2.1 peratus terdiri daripada kalangan etnik India manakala sebanyak 1.0 peratus daripada kalangan lain-lain etnik. Bagi tahap pendidikan, sebanyak 56.9 peratus berkelulusan kolej/universiti manakala sebanyak 40.5 peratus berkelulusan sekolah menengah. Seterusnya, sebanyak 2.6 peratus responden tidak bersekolah. Berdasarkan latar belakang, menunjukkan responden yang terlibat dalam kajian ini merangkumi pelbagai peringkat umur, etnik dan tahap pendidikan. Walaupun majoriti responden yang terlibat berstatus bujang, namun impak yang diperoleh daripada program ini boleh diaplikasikan apabila responden berkahwin kelak. Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden dalam kajian ini.

Jadual 1: Latar Belakang Responden (n=4716)

Angkubah	n	%
Jantina		
Lelaki	52	26.7
Perempuan	143	73.3
Umur		
Bawah 14 Tahun	208	4.4
15 Tahun – 24 Tahun	2447	51.9
25 Tahun – 59 Tahun	2001	42.4
60 Tahun dan ke atas	60	1.3
Taraf Perkahwinan		
Bujang	156	80.0
Berkahwin	39	20.0
Bercerai	0	0
Duda/Janda	0	0
Etnik		
Melayu	181	92.8
Cina	8	4.1
India	4	2.1
Lain-lain	2	1.0
Tahap Pendidikan		
Tidak Bersekolah	5	2.6
Sekolah Rendah	0	0
Sekolah Menengah	79	40.5
Kolej/Universiti	111	56.9

Sumber-sumber info kepenggunaan

Bagi mengetahui sumber responden mendapatkan maklumat kepenggunaan, soalan berkenaan sumber-sumber kepenggunaan telah ditanya kepada responden. Hasil kajian sumber-sumber kepenggunaan ini diukur menggunakan purata bagi setiap item. Berdasarkan Jadual 2, sumber utama responden mendapat maklumat kepenggunaan ialah melalui media elektronik (TV, radio, Internet, buku, risalah, iaitu dengan purata=7.58) dan melalui media cetak (surat khabar, majalah iaitu dengan purata=6.92). Purata terendah iaitu 4.72 pula ialah melalui sumber NGO. Keadaan ini menunjukkan sumber media elektronik dan media cetak merupakan medium penting untuk pengguna memperoleh maklumat berkaitan kepenggunaan. Bagi sumber NGO pula, sekiranya peranan mereka diperluaskan, mereka juga boleh menjadi salah satu sumber penting dalam menyebarkan maklumat berkenaan kepenggunaan kepada pengguna.

Jadual 2: Sumber-sumber Kepenggunaan

Bil.	Sumber Kepenggunaan	Purata
1.	Media Elektronik (TV, Radio, Internet, Buku, Risalah)	7.58
2.	Media Cetak (Surat Khabar, Majalah)	6.92
3.	Agama	6.50
4.	Guru	6.35
5.	Program Pendidikan	6.35
6.	Ibu Bapa	6.15
7.	Masyarakat Setempat	6.10
8.	Pembelajaran Dalam Kelas	5.97
9.	Rakan	5.93
10.	Adik Beradik	5.82
11.	Bulan Pengguna Kebangsaan	5.48
12.	Jiran Tetangga	5.33
13.	Program Luar Bandar	5.28
14.	Gerakan Pengguna Siswa	5.25
15.	Kelab Pengguna Sekolah	5.24
16.	NGO Kepenggunaan	4.72

*Nota: Skala 1 = sumber paling sedikit/tiada hingga 10 = sumber paling banyak

Penerimaan pengetahuan dan kemahiran

Penerimaan pengetahuan dan kemahiran peserta ini diukur dengan menggunakan 13 soalan. Analisis dijalankan bagi mengetahui dengan lebih terperinci taburan penerimaan pengetahuan dan kemahiran peserta.

Jadual 3: Penerimaan Pengetahuan dan Kemahiran Peserta

Bil.	Penyataan	1 n(%)	2 n(%)	3 n(%)	4 n(%)	5 n(%)	Purata	Sd
1.	Info Kepenggunaan dapat meningkatkan tahap pengetahuan saya sebagai pengguna.	108 (2.3)	143 (3.0)	1080 (22.9)	2076 (44.0)	1309 (27.8)	3.92	0.910
2.	Info Kepenggunaan dapat meningkatkan tahap kemahiran kepenggunaan saya.	72 (1.5)	187 (4.0)	1155 (24.5)	2167 (45.9)	1135 (24.1)	3.87	0.875
3.	Info Kepenggunaan yang telah diperoleh adalah berkait dengan kehidupan seharian saya sebagai pengguna.	74 (1.6)	163 (3.5)	1197 (25.4)	2065 (43.8)	1217 (25.8)	3.89	0.883
4.	Saya lebih memahami hak dan tanggungjawab saya sebagai pengguna.	75 (1.6)	162 (3.4)	1062 (22.5)	2043 (43.3)	1374 (29.1)	3.95	0.891
5.	Saya lebih memahami undang-undang perlindungan pengguna.	74 (1.6)	179 (3.8)	1218 (25.8)	2124 (45.0)	1121 (23.8)	3.86	0.877
6.	Info Kepenggunaan dapat meningkatkan potensi saya sebagai pengguna yang bijak pada masa hadapan.	76 (1.6)	157 (3.3)	1071 (22.7)	2089 (44.3)	1323 (28.1)	3.94	0.884
7.	Saya telah mempelajari kemahiran kepenggunaan yang baru.	95 (2.0)	181 (3.8)	1188 (25.2)	2108 (44.7)	1144 (24.3)	3.85	0.899
8.	Kemahiran kepenggunaan saya menjadi lebih baik selepas saya memperoleh maklumat kepenggunaan berkaitan barangan dan perkhidmatan.	86 (1.8)	193 (4.1)	1294 (27.4)	2087 (44.3)	1056 (22.4)	3.81	0.890

Jadual 3 (sambungan)

Bil.	Penyataan	1 n(%)	2 n(%)	3 n(%)	4 n(%)	5 n(%)	Purata	Sd
9.	Info Kepenggunaan yang telah diperolehi membantu saya menjadi pengguna yang lebih bertanggungjawab.	81 (1.7)	181 (3.8)	1119 (23.7)	2089 (44.3)	1246 (26.4)	3.90	0.894
10.	Info Kepenggunaan yang telah diperolehi membantu saya untuk memahami maklumat iklan.	101 (2.1)	178 (3.8)	1279 (27.1)	2076 (44.0)	1082 (22.9)	3.82	0.901
11.	Info Kepenggunaan yang telah diperolehi membantu saya untuk menentukan kualiti produk.	122 (2.6)	185 (3.9)	1274 (27.0)	2079 (44.1)	1056 (22.4)	3.80	0.918
12.	Info Kepenggunaan yang telah diperolehi membantu saya untuk memahami label produk makanan.	84 (1.8)	247 (5.2)	1341 (28.4)	2101 (44.6)	943 (20.0)	3.76	0.892
13.	Info Kepenggunaan yang telah diperolehi mendidik saya menjadi pengguna lestari.	92 (2.0)	168 (3.6)	1295 (27.5)	2098 (44.5)	1063 (22.5)	3.82	0.887

*Nota: Skala 1= sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=agak setuju, 4=setuju, 5=sangat setuju

Berdasarkan Jadual 3, hasil analisis menunjukkan sebanyak 44.0 peratus responden bersetuju bagi soalan: *Info kepenggunaan dapat meningkatkan tahap pengetahuan*. Bagi soalan kedua pula, sebanyak 45.9 peratus responden bersetuju dengan *Info kepenggunaan dapat meningkatkan tahap kemahiran kepenggunaan*. Seterusnya, sebanyak 43.8 peratus responden bersetuju bahawa *Info kepenggunaan yang telah diperoleh berkait dengan kehidupan seharian*. Sebanyak 43.4 peratus responden bersetuju dengan *Saya lebih memahami hak dan tanggungjawab saya sebagai pengguna*. Bagi item *Saya lebih memahami undang-undang perlindungan pengguna*, sebanyak 45.0 peratus responden bersetuju dan begitu juga dengan item *Info Kepenggunaan dapat meningkatkan potensi saya sebagai pengguna yang bijak pada masa hadapan*, iaitu sebanyak 44.3 peratus. Seterusnya, item *Saya telah mempelajari kemahiran kepenggunaan yang baru*, iaitu sebanyak 44.7 peratus item *Info Kepenggunaan yang telah diperoleh membantu saya menjadi pengguna yang lebih bertanggungjawab*, sebanyak 44.3 peratus item *Info Kepenggunaan yang telah diperoleh membantu saya untuk memahami maklumat iklan*, sebanyak 44.0 peratus, item *Info Kepenggunaan yang telah diperolehi membantu saya untuk menentukan kualiti produk*, sebanyak 44.1 peratus, item *Info Kepenggunaan yang telah diperolehi membantu saya untuk memahami label produk makanan*, sebanyak 44.6 peratus dan item *Info Kepenggunaan yang telah diperolehi mendidik saya menjadi pengguna lestari*, sebanyak 44.5 peratus. Bagi nilai purata pula, semua item menunjukkan nilai purata melebihi nilai 3. Menurut Singhapakdi (1996), nilai purata yang melebihi skala neutral iaitu 4 daripada 7 dianggap tinggi. Sehubungan itu, Haines dan Leonard (2007) telah menggunakan pendekatan yang sama tetapi mereka menggunakan skala 3 daripada 5 sahaja dalam kajian mereka. Hasil analisis purata bagi kajian ini melebihi nilai neutral 3. Oleh itu, tahap penerimaan pengetahuan dan kemahiran peserta adalah pada tahap yang tinggi sepanjang penyertaan mereka dalam program ini.

Berdasarkan Jadual 4, hasil analisis menunjukkan lebih separuh daripada kalangan responden mempunyai tahap penerimaan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi, iaitu sebanyak 56.2 peratus. Sebanyak 42.3 peratus responden pula menunjukkan tahap penerimaan yang sederhana terhadap pengetahuan dan kemahiran. Bagi tahap penerimaan yang rendah pula, hanya 1.4 peratus responden sahaja. Bagi nilai purata pula menunjukkan sebanyak 2.54. Hal ini menunjukkan secara puratanya, tahap penerimaan pengetahuan dan kemahiran responden pada tahap yang sederhana sepanjang mereka menjalani program kepenggunaan. Kesimpulannya, walaupun tahap penerimaan dan kemahiran responden pada tahap yang tinggi, namun hasil nilai purata menunjukkan tahap penerimaan mereka berada pada tahap sederhana.

Jadual 4: Tahap Penerimaan Pengetahuan dan Kemahiran

Tahap	Frekuensi	Peratus (%)
Rendah	68	1.4
Sederhana	1997	42.3
Tinggi	2561	56.2

Pengalikasian pengetahuan dan kemahiran

Pengukuran pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran peserta ini menggunakan 11 soalan. Tujuan analisis dilakukan adalah untuk mengetahui dengan lebih terperinci tahap aplikasi pengetahuan dan kemahiran peserta.

Berdasarkan Jadual 5, tahap pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran, hasil analisis menunjukkan sebanyak 43.9 peratus responden bersetuju bagi soalan *Saya berkongsi pengetahuan kepenggunaan yang telah diperolehi bersama rakan-rakan, keluarga dan orang yang lain*. Bagi soalan kedua pula, *Saya dapat menjadi pengguna yang lebih berhemah dan tidak membazir*, sebanyak 45.6 peratus responden bersetuju. Seterusnya, sebanyak 47.1 peratus responden bersetuju bahawa *Saya mengamalkan gaya hidup dan corak pembelian yang bersederhana*. Seterusnya, item *Saya dapat membuat keputusan berkaitan kepenggunaan dengan lebih baik*, sebanyak 44.4 peratus responden bersetuju dan item *Saya lebih bersedia untuk berkongsi pendapat tentang kepenggunaan dengan orang lain*, sebanyak 44.7 peratus responden bersetuju. Bagi item *Saya mengurangkan penggunaan beg plastik untuk amalan penggunaan lestari*, sebanyak 40.8 peratus responden bersetuju manakala bagi item *Saya mengumpul barang-barang terpakai untuk dikitar semula*, sebanyak 34.2 peratus responden bersetuju. Seterusnya, item *Saya mengamalkan penggunaan lestari (5R) – rethink, repair, reuse, recycle, reduce*, sebanyak 36.7% responden bersetuju, bagi item *Saya membuat pembelian yang mendorong ke arah pembangunan lestari*, sebanyak 41.2 responden bersetuju, bagi item *Saya membuat pembelian yang berbaloi untuk setiap ringgit yang dibelanjakan*, sebanyak 42.9 peratus responden bersetuju dan item *Saya membuat pembelian yang menyokong perniagaan beretika*, sebanyak 42.3 peratus responden bersetuju. Hasil analisis purata bagi kajian ini melebihi nilai neutral 3, oleh itu tahap pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran peserta adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 5: Penerimaan Pengetahuan dan Kemahiran Peserta

Bil.	Penyataan	1 n(%)	2 n(%)	3 n(%)	4 n(%)	5 n(%)	Purata	Sd
1.	Saya berkongsi pengetahuan kepenggunaan yang telah diperolehi bersama rakan-rakan, keluarga dan orang yang lain.	84 (1.8)	272 (5.8)	1332 (28.2)	2071 (43.9)	957 (20.3)	3.75	0.903
2.	Saya dapat menjadi pengguna yang lebih berhemah dan tidak membazir.	68 (1.4)	154 (3.3)	1097 (23.3)	2150 (45.6)	1247 (26.4)	3.92	0.867
3.	Saya mengamalkan gaya hidup dan corak pembelian yang bersederhana.	72 (1.5)	165 (3.5)	1170 (24.8)	2222 (47.1)	1087 (23.0)	3.87	0.859
4.	Saya dapat membuat keputusan berkaitan kepenggunaan dengan lebih baik.	78 (1.7)	152 (3.2)	1167 (24.7)	2092 (44.4)	1227 (26.0)	3.90	0.881
5.	Saya lebih bersedia untuk berkongsi pendapat tentang kepenggunaan dengan orang lain.	74 (1.6)	213 (4.5)	1236 (26.2)	2106 (44.7)	1087 (23.0)	3.83	0.887
6.	Saya mengurangkan penggunaan beg plastik untuk amalan penggunaan lestari.	105 (2.2)	246 (5.2)	1332 (28.2)	1924 (40.8)	1109 (23.5)	3.78	0.938
7.	Saya mengumpul barang-barang terpakai untuk dikitar semula.	247 (5.2)	488 (10.3)	1517 (32.2)	1612 (34.2)	852 (18.1)	3.49	1.064
8.	Saya mengamalkan penggunaan lestari (5R) – <i>rethink, repair, reuse, recycle, reduce</i> .	165 (3.5)	412 (8.7)	1509 (32.0)	1733 (36.7)	897 (19.0)	3.59	1.004
9.	Saya membuat pembelian yang mendorong ke arah pembangunan lestari.	119 (2.5)	277 (5.9)	1468 (31.1)	1945 (41.2)	907 (19.2)	3.69	0.932
10.	Saya membuat pembelian yang berbaloi untuk setiap ringgit yang dibelanjakan.	91 (1.9)	198 (4.2)	1209 (25.6)	2024 (42.9)	1194 (25.3)	3.85	0.911
11.	Saya membuat pembelian yang menyokong perniagaan beretika.	94 (2.0)	176 (3.7)	1192 (25.3)	1993 (42.3)	1260 (26.70)	3.88	0.914

*Nota: Skala 1= sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=agak setuju, 4=setuju, 5=sangat setuju.

Jadual 6: Tahap Pengaplikasian Pengetahuan dan Kemahiran

Tahap	Frekuensi	Peratus (%)
Rendah	105	2.2
Sederhana	4082	86.6
Tinggi	528	11.2

Hasil analisis Jadual 6 menunjukkan majoriti daripada kalangan responden mempunyai tahap pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran pada tahap yang sederhana, iaitu sebanyak 86.6 peratus. Sebanyak 11.2 peratus responden pula menunjukkan tahap pengaplikasian yang tinggi. Hanya 2.2 peratus sahaja responden berada pada tahap yang rendah. Berdasarkan analisis nilai purata, menunjukkan sebanyak 2.08. Nilai purata melebihi 3 daripada 5 menunjukkan nilai yang baik bagi kajian tersebut (Haines & Leonard, 2007). Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan tahap penerimaan pengetahuan dan kemahiran responden pada tahap yang sederhana sepanjang mereka menjalani program kepenggunaan. Walaupun tahap penerimaan pengetahuan dan kemahiran berada pada tahap yang tinggi, namun secara puratanya tahap penerimaan pengetahuan dan kemahiran responden berada pada tahap yang sederhana.

Kesimpulan dan Implikasi

Kesimpulannya, walaupun responden telah terdedah dengan sumber-sumber maklumat kepenggunaan melalui media elektronik (TV, radio, Internet, buku, risalah) sebelum menyertai program kepenggunaan ini, tahap penerimaan pengetahuan dan kemahiran responden terhadap program kepenggunaan adalah pada tahap yang sederhana. Begitu juga dengan tahap pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran responden. Namun begitu, penyertaan mereka dalam program kepenggunaan dilihat dapat membantu meningkatkan tahap penerimaan pengetahuan dan kemahiran serta tahap pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran mereka sebagai pengguna dalam kehidupan seharian. Ia secara tidak langsung dapat memperluaskan apa-apa yang dipelajari dengan pengguna yang lain, sekali gus dapat meningkatkan jumlah pengguna bijak di negara ini. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan tahap penerimaan pengetahuan dan kemahiran serta tahap pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran responden. Bagi memperluaskan ilmu kepenggunaan dan kemahiran kepada masyarakat dengan lebih menyeluruh, penganjuran program perlu dilakukan dengan lebih berfokus. Contohnya menganjurkan program kepenggunaan di sekolah-sekolah rendah bagi memberikan pendedahan berkenaan pengetahuan dan kemahiran kepenggunaan dari peringkat awal. Selain itu, sistem pendidikan pengguna juga boleh diadaptasikan ke dalam sistem pendidikan yang sedia ada bagi memastikan penghayatan dan pendedahan ilmu kepenggunaan diterapkan

sejak awal persekolahan. Sekiranya inisiatif ini dilakukan, pengguna akan lebih berpengetahuan, sekali gus akan mempengaruhi tingkah laku mereka pada masa hadapan.

Rujukan

Alvarez, K., Salas, E., & Garofano, C.M. (2004). An integrated model of training evaluation and effectiveness. *Human Resource Development Review*, 3(4), 385–416.

Apurata, M.C.I.M., Ahmad, N., Halib, N., & Ahmad, I. (2012). Synthesis and characterization of thermo- and pH-responsive bacterial cellulose/acrylic acid Hydrogels for drug delivery. *Carbohydrate Polymers*, 88(2), 465–473.

Baldwin, T.T., Ford, J.K., Blume, B.D., & Huang, J.L. (2010). Transfer of training: a meta-analytic review. *Journal of Management*, 36(4), 1065–1105.

Bramley, P. & Kitson, B. (1994). Evaluating training against business criteria. *Journal of European Industrial Training*, 18(1), 10–14.

Cheng, E.W. & Hampson, I. (2008). Transfer of training: a review and new insights. *International Journal of Management Reviews*, 10(4), 327–341.

Elangovan, A.R. & Karakowsky, L. (1999). The role of trainee and environmental factors in transfer of training: an exploratory framework. *Leadership and Organization Development Journal*, 20(5), 268–276.

Goldstein, I.L. & Ford, J.K. (2002). *Training In Organizations: Needs Assessment, Development, and Evaluation*. Belmont, CA: Wadsworth.

Haines, R. & Leonard, L.N. (2007). Individual characteristics and ethical decision-making in an IT context. *Industrial Management and Data Systems*, 107(1), 5–20.

Huang, M.H., Mao, S., Feick, H., Yan, H., Wu, Y., Kind, H., & Yang, P. (2001). Room-temperature ultraviolet nanowire nanolasers. *Science*, 292(5523), 1897–1899.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK). (2015). *Latar belakang KPDNKK*. Dimuat turun daripada <http://www.kpdnkk.gov.my/index.php/my/kpdnkk/profil-kementerian/latar-belakang> pada Jun 22, 2015.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK). (2015). *Bahagian gerakan kepenggunaan*. Dimuat turun daripada <http://www.kpdnkk.gov.my/index.php/my/kpdnkk/2013-01-31-07-00-50/bahagian-gerakan-kepenggunaan/maklumat-bahagian-gerakan-kepenggunaan> pada Jun 22, 2015.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK). (2015). *Program pembangunan gerakan kepenggunaan*. Dimuat turun daripada <http://www.kpdnkk.gov.my/index.php/my/pengguna/2013-01-31-06-54-40/program-pembangunan-gerakan> Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan pada Jun 22, 2015.

Kennedy, J.F., White, T.H., & Nixon, R.M.(1961). *Making of the President*, 1960.

Lee, S.H. & Pershing, J.A. (2002). Dimensions and design criteria for developing training reaction evaluations. *Human Resource Development International*, 5(2), 175–197.

Pekrun, R., Elliot, A.J., & Maier, M.A. (2009). Achievement goals and achievement emotions: testing a model of their joint relations with academic performance. *Journal of educational Psychology*, 101(1), 115.

Saks, A.M., Haccoun, R. R., & Belcourt, M. (2010). *Managing Performance Through Training and Development*. Cengage Learning.

Salas, E., Mathieu, J. E., Heffner, T.S., Goodwin, G.F., & Cannon-Bowers, J.A. (2005). Scaling the quality of teammates' mental models: equifinality and normative comparisons. *Journal of Organizational Behavior*, 26(1), 37–56.

Singhapakdi, A. (1996). Problems, Theoretical Foundation and Empirical Evidence. *South Western Marketing Association Conference*. San Antonio, Texas.

Velada, R., Caetano, A., Michel, J.W., Lyons, B.D., & Kavanagh, M.J. (2007). The effects of training design, individual characteristics and work environment on transfer of training. *International Journal of Training and Development*, 11(4), 282–294.

Vermeulen, F. & Barkema, H. (2002). Pace, rhythm, and scope: process dependence in building a profitable multinational corporation. *Strategic Management Journal*, 23(7), 637–653.